



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

1. PENGENALAN

- M N C Wireless Berhad (“**MNC**” atau “**Syarikat**”) dan anak-anak syarikatnya (“**MNC Group**” atau “**the Group**”) komited terhadap proses yang telus mengenai dasar dan prosedur Syarikat berkaitan pengumpulan, penggunaan, dan pendedahan maklumat pengguna. Selaras dengan komitmen ini, the Group telah membangunkan Dasar Privasi ini (“**Dasar**”) bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia (“**PDPA**”) dan undang-undang Malaysia yang lain yang berkaitan.
- Tafsiran
Perkataan yang huruf awalnya menggunakan huruf besar mempunyai maksud yang ditakrifkan di bawah syarat-syarat berikut. Takrifan berikut mempunyai maksud yang sama tanpa mengira sama ada ia muncul dalam bentuk tunggal atau jamak.
- Dengan menggunakan platform ini, pengguna mewakili, mengakui, dan bersetuju bahawa mereka berumur sekurang-kurangnya 18 tahun. Sekiranya pengguna belum berumur 18 tahun, mereka tidak boleh menggunakan laman web/platform pada bila-bila masa atau dengan apa cara sekalipun untuk menyerahkan sebarang maklumat kepada Syarikat atau platform.
- Definasi
Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, takrifan berikut terpakai di seluruh Dasar ini:
 - ❖ **MNC atau Syarikat:** M N C Wireless Berhad
 - ❖ **MNC Group atau the Group:** Secara kolektif, MNC dan anak-anak syarikatnya
 - ❖ **Peranti** merujuk kepada sebarang peranti digital yang mampu mengakses perkhidmatan seperti komputer, komputer riba, telefon pintar, jam tangan pintar, dan/atau tablet.
 - ❖ **Data Peribadi** merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan individu yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti.
 - ❖ **Perkhidmatan** merujuk kepada pengiklanan, laman web MNC Group, aplikasi mudah alih dan pekerjaan.
 - ❖ **Pembekal Perkhidmatan** merujuk kepada mana-mana orang semula jadi atau perundangan yang memproses data bagi pihak Syarikat. Ia merujuk kepada syarikat atau individu pihak ketiga yang diambil bekerja oleh Syarikat untuk memudahkan perkhidmatan, menyediakan perkhidmatan bagi pihak Syarikat, melaksanakan perkhidmatan berkaitan Perkhidmatan, atau membantu Syarikat dalam menganalisis cara perkhidmatan digunakan.
 - ❖ **Data Penggunaan** merujuk kepada data yang dikumpul secara automatik, sama ada dijana melalui penggunaan perkhidmatan atau daripada infrastruktur perkhidmatan itu sendiri (contohnya, tempoh lawatan ke sesuatu halaman).
 - ❖ **Pengguna** merujuk kepada individu yang mengakses atau menggunakan perkhidmatan, atau Syarikat, atau entiti perundangan lain bagi pihak individu tersebut mengakses atau menggunakan perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan. Sila rujuk Kebolegunaan Dasar ini untuk maklumat lanjut.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

- ❖ **GO!SMS** merujuk kepada <https://gosms.com.my/gosms/index.aspx>
- ❖ Semua rujukan kepada “**anda**” adalah merujuk kepada Pengguna; dan rujukan kepada “**kami**” atau “**kita**” adalah merujuk kepada MNC Group, dalam Dasar ini.

2. OBJEKTIF

Dasar ini menetapkan cara MNC Group mengendalikan pengumpulan, penggunaan, dan pendedahan maklumat pengguna apabila pengguna memberi respons kepada pengiklanan, produk, dan perkhidmatan kami, serta memaklumkan pengguna tentang hak privasi pengguna dan bagaimana undang-undang melindungi pengguna. MNC Group menggunakan Data Peribadi pengguna untuk menghubungi dan menyokong pengguna, selaras dengan usaha MNC Group menyediakan dan menambah baik perkhidmatan. Dengan menggunakan perkhidmatan, pengguna bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan maklumat mengikut Dasar ini.

3. KEBOLEHGUNAAN

- Dasar ini terpakai kepada perkara berikut:
 - ❖ Pengarah Syarikat;
 - ❖ Pekerja MNC Group, termasuk pekerja tetap, kontrak bertempoh atau sementara, kontrak, sambilan dan pelatih; dan
 - ❖ Rakan Perniagaan dan Pihak Ketiga, ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) perunding, kontraktor, ejen, pembekal dan pembekal perkhidmatan, rakan kongsi usaha sama, penasihat undang-undang, pelanggan, bakal pelanggan dan mana-mana orang lain yang berurusan dengan MNC Group.

4. PLATFORM

Platform MNC Group adalah seperti berikut:

- ❖ <https://www.mnc.com.my>
- ❖ <https://www.facebook.com/MNCwireless> ; and
- ❖ <https://gosms.com.my/gosms/index.aspx>

5. PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN DATA PERIBADI PENGGUNA

- Jenis Data Yang Dikumpul
 - ❖ **Data Peribadi**

Semasa menggunakan perkhidmatan, MNC Group mungkin meminta pengguna memberikan maklumat tertentu yang boleh dikenal pasti secara peribadi yang boleh digunakan untuk menghubungi atau mengenal pasti pengguna. Maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

 - i) Nama;
 - ii) Alamat e-mel;
 - iii) Nombor telefon bimbit;
 - iv) Butiran lokasi seperti alamat, bandar, atau negara pengguna;
 - v) Sebarang data lain seperti keutamaan peribadi, keperluan, atau komen pengguna; dan
 - vi) Penggunaan Data Peribadi pengguna.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

- **MNC Group boleh menggunakan Data Peribadi untuk tujuan berikut:**
 - a) **Untuk menyediakan dan mengekalkan perkhidmatan kami:** Termasuk memantau penggunaan perkhidmatan kami.
 - b) **Untuk menguruskan akaun pengguna:** Untuk menguruskan pendaftaran pengguna sebagai pengguna perkhidmatan.
 - c) **Untuk pelaksanaan kontrak:** Pembangunan, pematuhan, dan pelaksanaan kontrak pembelian bagi produk, barangan, atau perkhidmatan yang telah dibeli oleh pengguna atau mana-mana kontrak lain dengan Syarikat dan/atau MNC Group melalui perkhidmatan.
 - d) **Untuk menghubungi pengguna:** Untuk menghubungi pengguna melalui e-mel, panggilan telefon, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”), atau bentuk komunikasi elektronik setara lain, seperti *push notification* aplikasi mudah alih berkaitan kemas kini atau komunikasi maklumat berkaitan fungsi, produk, atau perkhidmatan yang dikontrak, termasuk kemas kini keselamatan, apabila perlu atau munasabah untuk pelaksanaannya.
 - e) **Untuk memberikan berita kepada pengguna:** Tawaran khas dan maklumat umum tentang barangan, perkhidmatan dan acara yang ditawarkan oleh Syarikat dan/atau MNC Group yang serupa dengan yang telah dibeli atau ditanya oleh pengguna, melainkan pengguna memilih untuk tidak menerima maklumat sedemikian.
 - f) **Untuk menguruskan permintaan pengguna:** Untuk melayan dan menguruskan permintaan pengguna kepada Syarikat dan MNC Group.
 - g) **Bagi pemindahan perniagaan:** MNC Group boleh menggunakan maklumat pengguna untuk menilai atau menjalankan penggabungan, pelupusan, penstrukturan semula, penyusunan semula, pembubaran, atau jualan atau pemindahan lain sebahagian atau kesemua aset MNC Group, sama ada sebagai usaha berterusan atau sebahagian daripada kemuflian, penggulungan, atau prosiding serupa, di mana Data Peribadi yang dipegang oleh Syarikat dan Group berkaitan pengguna Perkhidmatan kami termasuk dalam aset yang dipindahkan.
 - h) **Bagi tujuan lain:** MNC Group boleh menggunakan maklumat pengguna untuk tujuan lain, seperti analisis data, mengenal pasti trend penggunaan, menentukan keberkesanan kempen promosi kami, serta menilai dan menambah baik perkhidmatan, produk, pemasaran, dan pengalaman pengguna.
 - i) **Untuk menghubungi pelanggan:** Berkaitan urusan yang berkenaan dan untuk mengemas kini pelanggan tentang promosi. Untuk mewujudkan hubungan antara Syarikat dan pengguna. Untuk memahami keperluan pengguna dan menawarkan produk serta perkhidmatan bagi memenuhi keperluan tersebut.
 - j) **Untuk menjalankan penyelidikan pemasaran:** Untuk memproses pertanyaan berkaitan produk dan perkhidmatan Syarikat.
 - k) **Untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia:** Tujuan pentadbiran am termasuk rekod bagi tujuan audit dan pematuhan. Tujuan pengurusan risiko dan keselamatan.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

- l) **Bagi data akaun:** Bagi kelayakan kredit pengguna, maklumat kad kredit dan/atau debit, butiran akaun bank, sejarah pembayaran, dan maklumat pengebilan berkaitan akaun pengguna.
- m) **Data interaksi:** Terdiri daripada rakaman imej anda melalui kamera Litar Televisyen Tertutup (“CCTV”) semasa anda mengakses premis Syarikat, rakaman panggilan yang dibuat oleh anda kepada talian khidmat pelanggan Syarikat dan MNC Group (jika berkenaan), dan rekod komunikasi kami dengan pengguna melalui e-mel, *live chat*, dan mana-mana platform media sosial.
- **Syarikat mungkin berkongsi maklumat peribadi pengguna dalam situasi berikut:**
 - ❖ **Dengan Pembekal Perkhidmatan:** MNC Group boleh berkongsi maklumat peribadi pengguna dengan pembekal perkhidmatan untuk memantau dan menganalisis penggunaan perkhidmatan, serta untuk menghubungi pengguna.
 - ❖ **Bagi pemindahan perniagaan:** MNC Group boleh berkongsi atau memindahkan maklumat peribadi Pengguna berhubung dengan, atau semasa rundingan, sebarang penggabungan, jualan aset Syarikat dan MNC Group, pembiayaan, atau pengambilalihan kesemua atau sebahagian perniagaan kami kepada Syarikat lain.
 - ❖ **Dengan Sekutu:** MNC Group boleh berkongsi maklumat pengguna dengan sekutu, dan dalam kes ini, MNC Group akan menghendaki sekutu tersebut mematuhi Dasar ini.
 - ❖ **Dengan rakan perniagaan:** MNC Group boleh berkongsi maklumat pengguna dengan rakan perniagaan kami untuk menawarkan produk, perkhidmatan, promosi atau tawaran perkhidmatan kerjasama tertentu kepada pengguna.
 - ❖ **Dengan pengguna lain:** Apabila pengguna berkongsi maklumat peribadi atau berinteraksi di kawasan awam dengan pengguna lain, maklumat tersebut mungkin dilihat oleh semua pengguna dan boleh diedarkan secara terbuka di luar.
 - ❖ **Dengan persetujuan Pengguna:** MNC Group boleh mendedahkan maklumat peribadi Pengguna untuk sebarang tujuan lain dengan persetujuan Pengguna.

6. PEMINDAHAN DATA PERIBADI PENGGUNA

Maklumat pengguna, termasuk Data Peribadi, diproses di premis operasi MNC Group dan di mana-mana tempat lain di mana pihak yang terlibat dalam pemprosesan tersebut berada. Ini bermakna maklumat ini mungkin dipindahkan kepada — dan disimpan pada — Peranti yang terletak di luar negeri, wilayah, negara, atau bidang kuasa kerajaan pengguna di mana undang-undang perlindungan data mungkin berbeza daripada bidang kuasa pengguna.

Persetujuan pengguna terhadap Dasar ini yang diikuti dengan penyerahan maklumat sedemikian oleh pengguna mewakili persetujuan pengguna terhadap pemindahan tersebut.

MNC Group akan mengambil semua langkah yang perlu secara munasabah bagi memastikan data pengguna dikendalikan dengan selamat dan selaras dengan Dasar ini, dan tiada pemindahan Data Peribadi pengguna akan dilakukan kepada mana-mana organisasi atau negara melainkan terdapat kawalan yang mencukupi termasuk keselamatan data pengguna dan maklumat peribadi lain.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

7. PENDEDAHAN DATA PERIBADI PENGGUNA

- **Penguatkuasaan undang-undang**

Dalam keadaan tertentu, Syarikat dan/atau MNC Group mungkin dikehendaki mendedahkan Data Peribadi pengguna jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau bagi memenuhi permintaan sah oleh pihak berkuasa awam (contohnya mahkamah atau pihak berkuasa kerajaan).

- **Keperluan undang-undang lain**

MNC Group boleh mendedahkan Data Peribadi pengguna apabila kami mempunyai kepercayaan suci hati bahawa pendedahan maklumat tersebut membantu atau perlu secara munasabah untuk:

- i) Mematuhi kewajipan undang-undang;
- ii) Melindungi dan mempertahankan hak atau harta Syarikat dan MNC Group;
- iii) Mencegah atau menyiasat kemungkinan salah laku berkaitan Perkhidmatan;
- iv) Melindungi keselamatan diri Pengguna Perkhidmatan atau orang awam; dan
- v) Melindungi daripada liabiliti undang-undang

- **Keselamatan Data Peribadi Pengguna**

Keselamatan Data Peribadi pengguna adalah penting bagi kami. Akses kepada Data Peribadi adalah terhad hanya kepada pekerja tertentu bagi tujuan penyediaan Perkhidmatan atau urusan perniagaan sah yang lain. Langkah-langkah dan prosedur keselamatan pentadbiran yang sewajarnya telah dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bagi mencegah pemprosesan data peribadi anda secara tidak sah atau menyalahi undang-undang serta kehilangan, kemusnahan atau kerosakan data peribadi anda secara tidak sengaja.

8. PAUTAN KE LAMAN WEB LAIN

Perkhidmatan Syarikat dan MNC Group mungkin mengandungi pautan ke laman web Syarikat lain yang tidak dikendalikan oleh MNC Group. Jika pengguna menekan masuk pautan pihak ketiga, pengguna akan diarahkan ke laman pihak ketiga tersebut. MNC Group menggalakkan pengguna supaya menyemak semula Dasar setiap kali mereka melawat sesuatu laman.

MNC Group tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak bertanggungjawab terhadap, kandungan, dasar privasi, atau amalan mana-mana laman atau perkhidmatan pihak ketiga.

9. BORANG MAKLUMBALAS/PERTANYAAN

- ***Cookies***

Jika pengguna meninggalkan komen di laman web kami, pengguna boleh memilih untuk menyimpan nama pengguna, alamat e-mel dan laman mereka dalam *cookies*. Ini adalah untuk kemudahan pengguna supaya pengguna tidak perlu mengisi semula butiran pengguna apabila pengguna meninggalkan komen lain. *Cookies* ini akan kekal selama satu tahun.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

- **Kandungan terbenam daripada laman web lain**

Artikel di laman ini mungkin mengandungi kandungan terbenam (contohnya video, imej, artikel, dan lain-lain). Kandungan terbenam daripada laman lain berkelakuan dengan cara yang sama seperti sekiranya pelawat telah melawat laman tersebut secara langsung.

Laman ini mungkin mengumpul data tentang pengguna, menggunakan *cookies*, membenamkan penjejakan pihak ketiga tambahan, dan memantau interaksi pengguna dengan kandungan terbenam tersebut, termasuk menjejaki interaksi pengguna dengan kandungan terbenam sekiranya pengguna mempunyai akaun dan telah log masuk ke laman tersebut.

MNC Group tidak menjual dan tidak berkongsi maklumat peribadi pelanggan dengan organisasi luar kecuali bagi tujuan memenuhi pesanan pelanggan.

Data akan dikumpul secara dalam talian sekiranya ia berkaitan dengan urusan kami dengan pelanggan dan semasa pendaftaran keahlian pelanggan. Pelanggan boleh melawat dan melayari laman tanpa perlu memberikan sebarang maklumat. Privasi pelanggan adalah penting bagi kami, oleh itu MNC Group hanya menggunakan maklumat peribadi dalam organisasi kami sahaja.

10. PENYIMPANAN DATA PERIBADI PENGGUNA

MNC Group akan menyimpan Data selama 7 tahun dari tarikh Data tersebut tidak lagi diperlukan untuk penyediaan Perkhidmatan. Sekiranya tempoh penyimpanan tambahan diperlukan, kami akan mendapatkan kebenaran lanjut daripada anda untuk penyimpanan Data tersebut. MNC Group juga akan menyimpan Data Penggunaan untuk tujuan analisis dalaman.

Cookies: MNC Group menggunakan *cookies* dan teknologi seumpamanya untuk menjejaki tetapan komputer tempatan pengguna. MNC Group mungkin memperluaskan penggunaan *cookies* untuk menyimpan data tambahan apabila ciri baharu ditambah pada perkhidmatan. MNC Group mungkin menggunakan alat analitik laman pihak ketiga seperti Google Analytics pada laman web Syarikat dan GO!SMS yang menggunakan *cookies* untuk mengumpul maklumat tertentu berkaitan penggunaan perkhidmatan MNC Group oleh pengguna. Walau bagaimanapun, pengguna boleh melumpuhkan *cookies* dengan menukar tetapan pelayar pengguna

11. HAK PENGGUNA

- **Akses dan/atau Pembetulan**

Anda mempunyai hak untuk memohon akses kepada, memohon salinan, memohon kemas kini atau pembetulan data peribadi yang disimpan oleh kami. Anda mempunyai hak pada bila-bila masa untuk memohon kami mengehadkan pemprosesan dan penggunaan data peribadi anda.

MNC Group berhak menolak permohonan anda sekiranya, pada pandangan kami, permohonan tersebut dianggap tidak praktikal, menyalahi undang-undang atau tidak dibuat dengan niat baik.

- **Penarikan Balik**

Anda boleh menarik balik kebenaran yang telah anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan/atau pendedahan Data anda dengan menulis kepada kami. Walau bagaimanapun, jika anda menarik balik kebenaran anda, kami mungkin tidak dapat meneruskan penyediaan perkhidmatan yang telah anda mohon.



M N C WIRELESS BERHAD
(NO. PENDAFATARAN 200301033463 (635884-T))

Sekiranya anda ingin menggunakan mana-mana hak yang disebutkan di atas, anda boleh menulis kepada Wakil Komunikasi Korporat kami di ir@mnc.com.my

MAKLUMBALAS / PERTANYAAN

Sekiranya anda mempunyai maklum balas/pertanyaan berkenaan Dasar ini atau kebimbangan berkaitan penggunaan atau penyimpanan Data, anda boleh menghubungi kami seperti berikut:

Wakil Komunikasi Korporat

Alamat : 100-3.011, Block J, 129 Offices, Jaya One
No.72A, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz
46200 Petaling Jaya, Selangor

Telefon : 03-74911880

Emel : ir@mnc.com.my

-- Dasar ini telah disemak dan diluluskan oleh Syarikat pada 4 Mei 2026. Syarikat berhak meminda terma-terma ini pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada pengguna. --